

Dalam Negeri

Tuanku Muhriz raja dikasihi

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: 'Raja yang dikasihi dan berjiwa rakyat'.

Jika ditanyakan kepada semua rakyat di negeri ini, sudah tentu itulah ungkapan yang menggambarkan keperibadian Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Baginda sejak ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Ke-11, memang terkenal sebagai pemerintah dikasihi dan disanjung tinggi segenap lapisan masyarakat.

Keprihatinan baginda jelas tergambar semasa negara mula dilanda Covid-19 tahun lalu termasuk ketika beberapa daerah di negeri ini khususnya Seremban mengalami banjir kilat, 4 November lalu.

Memahami kesukaran dihadapi rakyat yang terjejas, Tuanku Muhriz tidak tunggu lama menghulurkan sumbangan.

Malah baginda turun padang sendiri diiringi dua putera baginda, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin dan Tunku Zain Al-'Abidin menziarahi rakyat yang ditimpa bencana berkenaan termasuk ke beberapa kampung kecil.

Kesudian baginda mencemari duli melahirkan rasa terharu penduduk Kampung Semarak di Rahang dekat sini yang merupakan salah satu kampung yang diziarahi Tuanku Muhriz.



TUANKU Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan mencemari duli menziarahi dan memberikan sumbangan kepada mangsa banjir kilat di Kampung Semarak, Rahang, Seremban tahun lalu. - UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

"Saya dan penduduk kampung sangat-sangat gembira dan terharu, sumbangan yang diberikan tanda keprihatinan baginda kepada rakyat yang sedang dilanda kesedihan selepas hilang harta benda akibat banjir kilat," kata Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

(MPKK) Kampung Semarak, Hassan Hussin.

Selain soal kebajikan rakyat, isu alam sekitar dan kebersihan juga menjadi perhatian baginda.

Komitmen Tuanku Muhriz dalam soal itu cukup terserlah malah turut menyertai program Hari Kebersihan Sedunia Pering-

kat negeri dan Kempen Negeri Sembilan Bersih tahun lalu.

Masih diingati, baginda pada hari itu mencemari duli turun padang ke Pasar Besar Seremban, meninjau keadaan kebersihan pasar malah beramah mesra dengan para peniaga dan pembeli.

272 terima darjah kebesaran, darjah NS

SEREMBAN: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah mengetuai senarai 272 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Ke-73 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, hari ini.

Kedua-dua mereka dianugerahkan Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SNSS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar negeri, Ismail Ahmad dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir menerima Darjah Datuk

Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk.

Empat penerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang membawa gelaran Datuk ialah pakar perunding bedah kardiotorasik dan jantung kongenital, Datuk Dr. Hamdan Leman; Penasihat Undang-undang Kumpulan YTL Corporation Bhd., Kathleen Chew Wai Lin; Pengarah MRA Consultants Sdn. Bhd., Tengku Mu'adzam Sadruddin Tengku Noone Aziz dan pakar kardiologi, Datuk Dr. Tamil Selvan Muthusamy.

Seramai 20 individu dikurniakan Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang turut membawa gelaran Datuk.

Antara penerimanya bekas Ketua Pengarah Perancangan

Strategik Markas Angkatan Tentera Malaysia Ketiga, Brigedier Jeneral (B) Abdul Aziz Ahmad; Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner Che Zakaria Othman; Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Mohamed Ridza Wahiddin serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chuah, Yek Diew Ching.

Seramai 13 individu menerima Darjah Setia Negeri Sembilan, seorang penerima Darjah Tuanku Muhriz, Darjah Pekerti Terpilih (11), Ahli Setia Negeri Sembilan (36), Setiawan Tuanku Muhriz (tiga), Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (55), Pingat Jasa Kebaktian (107), Bentara Tuanku Muhriz (12) dan enam Pingat Khidmat Lama.

Setiausaha Kerajaan Negeri

Sembilan, Datuk Dr. Razali Ab. Malik dalam sidang akhbar di Wisma Negeri dekat sini berkata, istiadat pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat adalah dibatalkan.

"Tidak akan ada majlis istiadat dan acara rasmi. Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada penerima. Bagaimanapun, gelaran-gelaran ini dan pingat-pingat lain boleh digunakan pada nama masing-masing walaupun istiadat majlis tidak diadakan," katanya.

Katanya, keputusan membatalkan istiadat berkenaan bagi menjunjung titah Tuanku Muhriz, sehubungan itu semua atur cara yang dirancang di Balai Seri, Istana Besar Seri Menanti, Negeri Sembilan juga adalah terbatal.